

PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARAID)
MENURUT AMALAN PERPATIH SECARA UMUM
PERRBANDINGAN DENGAN PUSAKA ISLAM

JABT. PENG. PEMBANGUNAN KELUARGA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG
MAC 1996

PEMBAHAGIAN PUSAKA (FARAID) MENURUT AMALAN PERPATIH
SECARA UMUM
PERBANDINGAN DENGAN PUSAKA ISLAM.



Nama : Mohamad Fauzi b. Alias
No. Matrik : 43353
Program : Bac. Pendidikan
(Bimbingan & Kaunseling)
Universiti Pertanian Malaysia.

PENGHARGAAN

Kesyukuran yang tidak terhingga dipohonkan kehadiran Ilahi yang telah mengurniakan kekuatan serta hidayat kepada hambanya yang daif sehingga selesainya penulisan ini.

Terima kasih dan sekalung penghargaan untuk En. Norhalim Hj. Ibrahim yang banyak membimbing, memerhati serta membantu penulis di dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini. Kepada yang bekerjasama, semoga segala ilmu dan pendidikan yang dicurahkan mendapat ganjaran Allah.

En. Jamal dan Ustaz Alimad Zaidi, terima kasih kerana memberi jasa baik bagi membantu penulis memahami lagi penulisan ini.

Sesiapa juga yang terlibat menyumbang tenaga dari segi material dan spiritual. Harapan agar Allah berikan ketabahan dan keyakinan kepada semua.

Kepada semua pengarang buku-buku, kertas-kerja dan sebagainya yang telah penulis gunakan sebagai bahan latihan ilmiah ini, terima kasih diucapkan. Segala kesilapan penulis di dalam mengubahsuai, penyalinannya harap dimaafkan.

Walaupun latihan ilmiah ini mengandungi serba kekurangan dan kecacatan, penulis masih mengharapkan supaya apa yang baik daripadanya itu dijadikan panduan dan pengajaran, segala yang kurang dijadikan tauladan serta harap dimaafkan. Mudah-mudahan ianya dapat dimanfaatkan.

“Ya Allah, ampunkan hambamu ini”.

Ikhlas,



Hj. Mohamad Fauzi b. Hj. Alias

No. Matrik : 43353

Program : Bac. Pendidikan Bimbingan & Kaunseling.

Tarikh : 25 Mac 1996.

Kandungan

Halaman

Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Pendahuluan	iii
Sinopsis	vii

BAB I

1.1 Sejarah Kedatangan Adat Perpatih

1.11 Asal-usul adat Perpatih secara umum	1
1.12 Negeri-negeri yang mengamalkan adat Perpatih	7
1.13 Islam dan Adat di Tanah Melayu	11

BAB II

2.1 Amalan Pembahagian Pusaka menurut Adat Perpatih

2.11 Kedudukan harta pusaka di dalam adat Perpatih	16
2.12 Jenis-jenis harta pusakadan pembahagiannya.	29

BAB III

3.1 Perbandingan dan Pandangan

3.11 Pandangan Islam terhadap amalan pembahagian pusaka menurut adat Perpatih. Perbandingan.	39
3.12 Penyelesaian	44
3.13 Kesimpulan dan Penutup	46
3.14 Sumber Rujukan	52

Pendahuluan

Masalah pusaka adalah amat penting di dalam fiqh Islami. Dengan itu didapati fuqaha' Islam begitu bersungguh-sungguh membahaskan masalah-masalah yang berkaitan dengan pusaka, menjadikannya suatu ilmu yang khusus. Daripadanya diketahui syarat-syarat pusaka, sebab-sebab perkara-perkara yang menegah daripada pusaka dan hak-hak terhadap harta peninggalan secara itu boleh mewarisi dan sebaliknya, mengetahui bahagian waris-waris dan sebagainya. Memperolehi pusaka merupakan setinggi-tinggi ilmu syariat yang banyak memberi faedah. Ilmu pusaka yang dimaksudkan itu ialah yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak, inilah ilmu yang begitu diberatkan untuk umat Islam mempelajarinya. Syarat menentukan mempelajari ilmu pusaka (faraid) itu fardu kifayah.

Oleh itu di samping al-Quran menerangkan secara terperinci mengenai pembahasannya, didapati banyak sekali hadis-hadis Rasulullah SAW yang menganjurkan manusia supaya mempelajari ilmu pusaka ini dan mengajarkannya. Ianya dinyatakan oleh Rasulullah sebagai sebahagian daripada ilmu dan cepat hilangnya dari ingatan :

عن عبد الله بن عمرو أن رسول الله
(ص) قال : العلم ثلاثة

وما سوعا زنتك قضد :
أية محكمة أو سنة عامة
أو خريفة عارلة

(رواه أبو داود وأبو داود)

Islam begitu memandang hina kepada ilmu pusaka yang bercanggah dengan prinsip yang telah ditetapkan oleh perundangan Islam. Seperti yang dimaklumi terdapatnya sistem pusaka amalan masyarakat sebelum kedatangan Islam juga ciptaan moden yang mengandungi ciri-ciri pertentangan dengan pusaka Islam. Dengan ini Islam inginkan segala ilmu pusaka yang bercanggah serta tidak menepati dasar perundangan Islam ini dihapuskan dengan segera. Semuanya ini dilakukan demi menjaga keutuhan hubungan kekeluargaan Islam dan menghindarkan dari berlakunya kesan-kesan negatif hasil dari pembahagian itu.

Di dalam penulisan ini, penulis cuba melihat kepada salah satunya sistem pusaka hasil ciptaan manusia iaitu di dalam adat 'Perpatih'. Penulis agak tertarik untuk melihat secara dekat mengenai sistem ini memandangkan hanya inilah satu-satunya sistem yang masih lagi mengikut peraturan yang telah dibuat oleh nenek-moyang mereka dahulu dan tetap bertahan hingga kini. Boleh dikatakan ianya suatu sistem yang unik iaitu menetapkan pembahagian pusaka menurut keturunan ibu (perempuan). dari sini timbullah berbagai anggapan masyarakat terutama luaran terhadap adat Perpatih dan pengamalannya. Oleh itu kita akan melihat sejauhmana sistem ini diamalkan kini, apakah pembahagian berdasarkan keturunan perempuan itu hanya pada harta-harta tertentu dan sebagainya yang berkaitan dengan sistem ini.

Di dalam Bab I, secara umum dan ringkas diterangkan mengenai asal-usul adat Perpatih, kerana untuk mengenal dan mengkaji sesuatu itu tentu sekali memerlukan latar belakangnya. Penulis tidak menjelaskan perkara ini secara mendalam kerana bukan itu tujuan penulis. Kemudian dinyatakan juga bagaimana kedatangan dan kemunculan adat ini di Tanah Melayu, melahirkan pula berbagai-bagai suku-perut yang didapati sampai sekarang. Mereka yang berhijrah dengan membawa bersama adat Minangkabau ini telah membuka penempatan-

penempatan, akhirnya membentuk daerah-daerah dan negeri yang terdapat di dalamnya masyarakat pengamal adat Minangkabau ini. Seperti yang diketahui, tidak semua daerah di Negeri Sembilan ini mengamalkan adat Perpatih dan kemungkinan juga terdapatnya masyarakat Minangkabau di negeri-negeri lain berpandukan faktor sejarah. Dilihat juga hubungan antara adat dan Islam di Tanah Melayu.

Bab II, diterangkan kedudukan harta pusaka di dalam adat Perpatih, bagaimana kedudukan pihak lelaki dan perempuan di dalam hal ini. Bagaimana yang dinyatakan 'pengutamaan' kepada perempuan itu, apakah lelaki tidak mempunyai hak langsung? Jenis-jenis harta pusaka dinyatakan dan harta manakah yang menurut garis keturunan perempuan sebenar. Di dalam pembahagian menurut sistem adat yang terlalu susah dan sukar untuk dihapuskan ini, sifat reda-meredai perlu ditanamkan di dalam jiwasetiap waris. Telah difahami dan dimaklumi, perubahan terhadapnya terlalu payah kerana ianya telah diamalkan sejak zaman berzaman, terdapat di dalamnya ketua-ketua adat dan pihak yang masih berpegang teguh dengan sistem ini. Telah dibentuk satu corak peraturan dan pemerintahan yang tersendiri, sudah tentu perubahannya menyebabkan timbulnya pula berbagai kerumitan. Jadi, apa yang sepatutnya dilakukan ialah supaya tidak bersifat tamakkan harta, berlaku adil serta amanah di dalam masalah ini, agar terhindar segala keburukan dan kesan yang boleh menjejaskan hubungan persaudaraan dan kekerabatan.

Bab III, Islam telah menghapuskan sistem ini secara beransur-ansur dan akhirnya diperjelaskan dengan mendalam dan terperinci tentang pusaka Islam, membatalkan segala adat

jahiliyyah yang bercanggah dengan prinsip Islam itu. Di dalam bab ini diterangkan mengapa sistem adat Perpatih itu bercanggah dengan pusaka Islam, pandangan masyarakat umum terhadapnya serta penyelesaian masalah ini.

Kesimpulannya, sesungguhnya sistem perundangan Ilahi sahajalah yang mempunyai kesempurnaan dan keunggulannya. Semua perkara akan dapat diselesaikan dengan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Sinopsis

Masyarakat di mana sahaja berada tetap memandang tinggi terhadap harta lebih-lebih lagi harta itu suatu yang bernilai seperti tanah pusaka. Masalah akan dihadapi oleh sesiapa jua yang ada memiliki harta. tuntutan oleh waris-waris dilakukan seboleh-bolehnya untuk mendapatkan harta pusaka, samada mereka itu waris yang jauh atau yang dekat. Apabila disebut '*tanah pusaka*' masyarakat umum terus akan mengarah kepada '*adat Perpatih*' di Negeri Sembilan, disebabkan sistem pusakanya yang berlainan. Adat Perpatih yang mengutamakan anak/pihak perempuan di dalam pusaka, melahirkan berbagai-bagai anggapan masyarakat umum mengenai adat Perpatih, terutamanya perempuan-perempuannya yang dianggap suka membolot harta dan sebagainya. Melalui penulisan ini, kita cuba meninjau secara dekat mengenai pembahagian itu. Apakah semua harta itu diwariskan kepada perempuan. Bagaimana perselisihan tentang harta boleh terjadi, dapatkah perkara ini diselesaikan sesama mereka. Apakah cara penyelesaiannya. Islam memandang harta itu sebagai hak Allah dan hendaklah manusia sama-sama mempergunakannya. Islam melarang mengambil harta orang lain tanpa haknya. Pentingnya pembahagian pusaka menurut syariat Islam yang telah ditentukan pembahagiannya. Tujuansupaya tidak berlaku sebarang kerenggangan perhubungan kekeluargaan. Ketetapan Allah dan Rasulnya sahajalah yang dapat menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

BAB III

3.1 PERBANDINGAN DAN PANDANGAN.

3.11 Pandangan Islam Terhadap Amaian Pembahagian Menurut adat Perpatih. Perbandingannya.

Melalui pengkajian yang teliti, didapati sistem pembahagian pusaka secara Adat Perpatih ini adalah tidak bersesuaian, bahkan ianya bertentangan dengan prinsip Islam, walaupun matlamat sebenar perwujudannya amat baik dan telah lama dipraktikkan. Antara sebab-sebab mengapa dianggap begitu :

1. Harta pusaka yang diketahui di dalam Adat Perpatih adalah lebih khusus daripada pusaka Islam. Masyarakat Adat Perpatih menganggap harta itu milik sesuatu suku dan perut, dipusakai secara turun-temurun menurut hisab ibu/perempuan. Kejahilan orang-orang Melayu tentang hukum pusaka Islam dapat dianggap sebagai fakta utama memudahkan penerimaan sistem suku.¹ Islam menolak sama sekali pembahagian pusaka yang tidak adil, mementingkan suku tertentu serta mengenyahkan hak-hak pihak yang lain. Oleh itu Islam menegakkan keadilan dengan mengubah dari akar umbinya membawa konsep yang hak dan benar-benar bertanggungjawab.²

Di dalam Islam, harta pusaka itu ialah apa jua harta syarie yang menjadi peninggalan simati. Ianya boleh diwarisi dan diakui hak bahagian oleh waris-waris lelaki atau perempuan dari setiap lapisan keluarga, samada dari taraf yang paling rendah (anak cucu) atau sesiapa

¹ Othman Ishak , Hubungan Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat , hlm. 91.

² Abu Urwah , Wanita dan Kekeluargaan , hlm. 127.

sahaja dari ahli keluarga, asalkan waris yang menurut syarak serta tiada pula sesuatu yang menghalang atau mendinging.

2. Perempuan-perempuan yang mewarisi tanah pusaka menurut adat ini, hanya mewarisi hak pakai dan mengguna. Mereka tidak boleh menukar nama, menjual atau menggadai. Menurut Islam, segala harta pusaka samada tanah atau lainnya menakala menjadi pusaka kepada seseorang, ia menjadi hak milik mutlak kepadanya. Pemilik boleh menjual, menghebah, menukar nama, menggadai dan melakukan apa sahaja ke atas harta itu menurut harta yang lain yang dimiliki dengan titik peluhnya sendirinya.¹

3. Terdapat setengah pihak mengatakan sistem pusaka adat ini termasuk ke dalam wakaf keluarga secara Islam. Tetapi apa yang menghairankan di waktu ketiadaan waris perempuan di dalam suku, harta ini boleh dilelong dan diberikan hasilnya kepada anak lelaki. Menurut Islam harta itu tidak akan menjadi harta wakaf kecuali terdapat syarat-syarat sahanya yang sempurna. Harta wakaf tidak boleh dilelong apabila pihak yang mewakafkan telah tiba.²

4. Sistem pusaka secara Adat Perpatih ini juga telah menjadikan kedudukan lelaki lebih rendah dan lemah dari kaum perempuan. Malahan di dalam situasi yang mendesak, perempuanlah sebagai pembela nasib mereka. Ini bercanggah dengan dasar kekeluargaan Islam di mana kaum lelaki dipertanggungjawabkan untuk memelihara masalah perempuan. Mereka berada di suatu kedudukan yang lebih daripada perempuan.

¹

Abd. Kadir Hj. Ismail, Sistem Pusaka Islam, hlm. 36.

²

Untuk lanjut : Ibid., hlm. 37.

Allah berfirman menyatakan keadaan ini :

Maksudnya : *“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum perempuan oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka.....”* ¹

Firman Allah lagi :

Maksudnya : *“.....akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya.....”* ²

Adat Perpatih bertentangan dengan ajaran Islam. Di dalam Islam, Allah telah menciptakan undang-undang dan peraturan hidup untuk diamalkan sepenuhnya bagi kebahagiaan dunia dan akhirat. undang-undang Islam adalah adil dan saksama. Kaum lelaki dan perempuan telah ditetapkan hak dan tanggungjawab masing-masing mengenai pembahagian harta pusaka. Islam telah melebihkan bahagian untuk kaum lelaki kerana merekalah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ahli-ahli keluarga.

Sebaliknya di dalam sistem adat Perpatih harta pusaka seratus peratus dimiliki oleh kaum perempuan sedangkan tanggungjawab masih lagi terletak ditangan lelaki. Di sinilah letaknya ketidakadilannya adat Perpatih. ³

5. Harta pembawa, sekiranya dari carian bujang bagi lelaki, jikalau dia meninggal dunia, harta ini akan jatuh kepada saudara perempuan. Ini tidak bersesuaian dengan Islam. Di dalam Islam, harta-harta ini akan bertukar milik kepada waris-warisnya menurut Islam.

¹ Al-Quran , surah al-Nisa' , 4:34.

² Al-Quran , surah al-Baqarah , 2:228

³ H.A.Hamidi Jora , *“Adat Perpatih Tidak Demokratis”*, hlm. 38.

6. Tentang harta dapatan, manakala perempuan yang memilikinya meninggal dunia, ianya akan berpindah kepada anak perempuannya. Ini juga bertentangan dengan prinsip kepada anak perempuannya. Ini juga bertentangan dengan prinsip Islam sekiranya terdapat lagi waris-waris yang lain terutamanya anak lelaki.
7. Mengenai harta carian, harta ini juga diagihkan mengikut cara yang tidak selaras dengan Islam. Pemberiannya hanya kepada beberapa waris sahaja iaitu suami atau isteri dan anak-anak dengan cara tidak menentukan dengan tepat kadar masing-masing malahan didasarkan kepada timbangrasa sahaja.¹
8. Apabila berlaku perceraian, suami harus meninggalkan sebahagian daripada bahagian hartanya kepada anak-anak, pada apa jua harta. Ini disebabkan di bawah sistem Adat Perpatih anak-anak menjadi kepunyaan ibu dan sukunya. Tanggungjawab ayah terhenti sama sekali. Ini tidak berlaku di dalam undang-undang Islam, dimana bapa mempunyai tanggungjawab ke atas pemeliharaan anaknya sehingga mereka dewasa.
9. Di dalam sistem adat Perpatih, anak angkat melalui upacara '**perkadiman**' berhak mewarisi harta seperti mana anak perempuan sebenar. Islam telah menolak dan membatalkan sistem pusaka secara '*menganak angkat*' ini melalui *surah al-Ahzab ayat 5*. Perwarisan harta melalui perkadiman '*adai dan pusaka*' ini adalah bertentangan dengan Islam, kerana masih kedapatan waris-waris yang berhak ke atas harta itu. Anak angkat hanya berhak mendapat harta dari wasiat, pemberian kepada mereka ini pula hendaklah dipersetujui oleh waris-waris simati.

¹

Abd. Kadir Ismail, *Sistem Pusaka Islam*, hlm. 38.

Dinyatakan adat Perpatih itu diwujudkan bagi menjaga kaum perempuan agar tidak menderita. Jika kita perhatikan dengan waras, seolah-olah hukum Islam yang Allah ciptakan itu tidak sempurna serta tidak menjamin nasib kaum wanita. Islam sesuai di mana-mana. Sekiranya terdapat kelemahan di mana-mana bukan bererti hukum syarak itu tidak baik tetapi manusia sendiri yang tidak bijaksana mentadbirkannya, lebih mengutamakan undang-undang ciptaan manusia. Dengan apa yang telah dijelaskan di atas, tentu dapat kita fahami sedikit sebanyak mengapa sistem pembahagian pusaka di dalam adat Perpatih itu dikatakan bertentangan dengan dasar-dasar Islam. Perlulah kita menjauhi dari melakukan penindasan dan ketidakadilan terhadap sebahagian waris serta menjauhi dari mengambil dan memakan harta yang bukan hak kita secara batil.

Firman Allah :

Maksudnya : *“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu”*

¹ Al-Quran , surah al- Nisa’ , 4 : 29.

3.12 Penyelesaian.

Sebenarnya pengagihan harta pusaka ini menimbulkan perselisihan di mana-mana sahaja. Keadaan ini tidak mengira adakah mereka pengamal Adat Perpatih, Adat Temenggung atau apa juga bangsa. Ianya akan lebih jelas lagi sekiranya sifat tamak dan ingin menguasai harta terdapat di dalam diri seseorang.

Di dalam adat Perpatih, masalah milik harta tidak seharusnya timbul. Sebenarnya tiada seseorang pun yang patut memilikinya, baik lelaki atau perempuan. Jika harta pusaka itu dikatakan hak perempuan kenapa ianya tidak boleh dijualbeli dan anak lelaki pula boleh mengusahakan dan memakan hasilnya. Pihak perempuan hanya berhak di atas nama sahaja bagi memudahkan pengurusannya seperti membayar cukai. Penghijrahan anak lelaki pula bukanlah lari dari kandungan adat 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'. Tujuan mereka berhijrah itu ialah untuk menyahut seruan kerajaan menjayakan rancangan-rancangan pembangunan.¹

Adat Perpatih tiada yang salahnya tetapi pentadbir yang bertanggungjawab kurang faham atau tidak mengikut peraturan adat seperti :

1. Tanah pusaka adat tidak salah dijual kepada suku yang lain. Tetapi pada akhir-akhir ini ramai ibu yang tiada anak perempuan untuk mewarisinya telah menjualkannya kepada suku lain.

¹ Redzwan Datuk Raja Mohd Dom , “ Adat Perpatih Tidak Demokratis Ditegur”, Dewan Masyarakat (Mac 1975), him. 41.

2. Memberikan tanah pusaka yang bukan pada haknya seperti kepada anak angkat bangsa lain, pada hal ramai lagi waris pusaka yang layak menerimanya. Untuk mengelaknya pertelingkahan dan huru-hara, kita patut sedari perkara-perkara berikut :

- (i). Apabila memilih Besar, Buapak dan Lembaga janganlah dipilih mereka yang jahil dalam adat walaupun sepatutnya giliran dia memegang jawatan itu. Akibatnya membawa kerosakan yang susah diperbetulkan.
- (ii). Peraturan-peraturan yang tiada di dalam adat Perpatih jangan cuba ditambah bersendirian menurut hawa nafsu sendiri oleh orang yang berkuasa di dalam waris dan anak buah.¹

Dengan kedatangan Islam telah dibuat peraturan mengenai pembahagian pusaka, perubahan telah dibuat iaitu :

1. Isteri berhak terhadap harta pengkongsian, seperti mana bahagian dalam harta pencarian. Sekiranya simati (suami) tiada mempunyai anak dan harta itu sendiri, isteri boleh mengambil semua harta. Di dalam kes-kes lain isteri mengambil bahagiannya menurut keadaan.
2. Baki harta itu dibahagi menurut undang-undang Islam tetapi bahagian isteri sebanyak 1/8 atau 1/4 dipertimbangkan untuk menentukan bahagiannya yang khas.

Pertelingkahan antara hukum Islam dengan sistem adat dapat diselesaikan dengan memperkenalkan undang-undang yang baru. Dengan berbuat demikian, seseorang dapatlah menggunakan asas-asas teori klasik Islam dalam perundangan. Keadaan ekonomi yang khusus tentang masyarakat Islam di luar bandar perlu dibuat pembaharuan demikian bagi memenuhi kehendak-kehendak negara. Umpamanya di dalam hal pembahagian harta simati kepada waris-

¹ Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad, dan Sulaiman Idris , Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan , hlm. 91-93.

waris patut dibahagikan nilai harta itu antara mereka, bukan bahagian-bahagian harta yang sebenarnya. Ini adalah perlu bila simati meninggalkan harta yang sedikit, samada sebidang tanah sebagai yang selalu berlaku dikalangan masyarakat Melayu, atau barang-barang lain. Dengan menggunakan teori yang praktikal ini, bukan sahaja harta yang sedikit itu dapat dipelihara di kalangan keluarga simati, tetapi juga boleh dikembangkan untuk faedah mereka sendiri. Kita mengikut syor yang dibuat oleh Prof. Ahmad Ibrahim bahawa untuk memenuhi keperluan-keperluan masyarakat Melayu ada beberapa pendapat dari *fuqaha' Shafie* yang patut diberi perhatian semula. Antara lain ialah praktik adat dalam pembahagian harta sepencarian suami isteri.

Mengikut peraturan, sama bahagian mestilah diamalkan yang mana hukum Islam sebagai keseluruhannya handaklah diselenggarakan dengan wajarnya dan dikuatkuasakan. Dengan ini al-Quran dan hadis boleh dengan wajarnya diinterpretasi semula berlandaskan teori klasik ijtihad dan ijmak.¹

¹ Othman Ishak , Hubungan Antara undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat , hlm. 127-128.



Sesi Temubual dengan En. Jamal b. Mohd Ali di rumahnya, Kampung Segu Ulu, Rantau Negeri Sembilan pada 1hb. Mac 1996.



Sesi temuramah dengan Ustaz Ahmad Zaidi, Pegawai Kanan
Majlis Fatwa Negeri Sembilan, pada 2hb. Mac 1996.



Kajian juga dijalankan di Rembau, Negeri Sembilan.
(kawasan yang kuat mengamalkan Adat Perpatih).

3.13 Kesimpulan Dan Penutup.

Setelah kita melihat sistem pusaka di luar Islam, didapati sistem-sistem ini kurang kemas dan bercanggah dengan tujuan asalnya. Sistem-sistem ini mungkin diwujudkan dengan tujuan dan maksud yang baik tetapi disebaliknya telah berlaku penindasan serta ketidakadilan terhadap sesuatu golongan.

Oleh kerana semua sistem ini hasil ciptaan kecenderungan pemikiran manusia yang serba kekurangan, sudah tentu mereka tidak dapat mengetahui kepentingan sebenar sistem itu diadakan. Adakalanya sistem ini dipengaruhi oleh naluri dan nafsu atau menurut kehendak alam sekeliling.

Sistem pusaka di zaman jahiliyyah berkemungkinan sesuai dengan penghidupan mereka yang sentiasa berperang antara satu sama lain, tetapi sebenarnya mereka melupai tanggungjawab dan pembelaan terhadap kaum perempuan dan kanak-kanak yang lemah. Ini jelas memperlihatkan ketidakadilan sistem mereka itu.

Di Tanah Melayu pula terdapat 3 bentuk adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu, iaitu adat Perpatih, adat Temenggung, dan adat kampung. Adat Perpatih dikatakan berasal dari Sumatera, mengamalkan sistem bersuku. Mereka menganggap suku sebagai satu unit, berbentuk *matrilineal, exogamous dan monogamous*. Harta adalah milik suku, bukan individu.

Disebabkan ianya menjalankan sistem menurut garis keturunan ibu, menjadikan keluarga lelaki tidak berhak mempusakai harta pusaka. Ini jelas bercanggah dengan prinsip hukum Islam. Adat ini juga mengamalkan sistem pengangkatan anak yang bertentangan dengan Islam dan mereka menolak hukum wasiat di dalam Islam.

Adat Temenggung dinyatakan datangnya dari Palembang, Sumatera. Adat ini mengandungi ciri-ciri Hindu, bercorak *patrilineal* dan bersistem *monarki*. Sistem pusakanya

dijalankan dengan membahagi-bahagikan harta kepada beberapa jenis dan memberikannya kepada waris-warisan menurut kedudukan. Islam tidak menuntut pembahagian sedemikian, namun ianya merupakan adat kelaziman masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat di Tanah Melayu.

Sesungguhnya Islam tidak menghendaki berlakunya ketidakadilan dan kelaziman kepada umatnya, lebih-lebih lagi di dalam masalah pusaka. Walaupun semua sistem undang-undang ini berprinsip kewujudannya berdasarkan keadaan semasa, demokrasi, timbangrasa dan sebagainya, ianya tetap bertentangan dengan hukum Islam itu sendiri. Harta dijadikan untuk membantu mereka yang memerlukan dengan memberikan kepada mereka hak masing-masing. Oleh itu Islam dengan perundangan Ilahi tidak mendatangkan kebatilan di mana-mana jua. Itulah perundangan yang bijaksana.

SUMBER RUJUKAN

Buku Bahasa Melayu

Abdullah Siddik , Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia , Kuala Lumpur : Universiti Malaya , 1975.

Abd. Karim Hj. Ismail , Sistem Pusaka Islam , Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah, 1983.

A. Samad Idris , Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan dari segi sejarah dan Kebudayaan , Seremban : Pustaka Asas , 1970.

Abu Urwah , Wanita dan Kekeluargaan , Petaling Jaya : Pusaka Salam , 1986.

Abu Chik Mat Sarom, Abu Hassan Ahmad dan Sulaiman Idris , Asal-usul Adat Perpatih Negeri Sembilan , Kuala Pilah : Malay Press 1982.

Khoo Kay Kim , ed., Melaka dahulu dan sekarang , Kuala Lumpur : Muzium Negara , 1982.

Nordin Selat , Sistem Sosial Adat Perpatih , Kuala Lumpur : Utusan Melayu , 1976.

Norhalim Hj. Ibrahim , Negeri Yang Sembilan , Kuala Lumpur : Fajar Bakti , 1995.

Othman Ishak , Hubungan antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka . 1979.

_____ , Fatwa Dalam Perundangan Islam , Kuala Lumpur : Fajar Bakti , 1981.

Buku Bahasa Inggeris

Hooker , M.B. , ed. , Readings in Malay Adat Laws , Singapore : Singapore University Press , 1970.

Hooker , M.B. , Adat Laws in Modern Malaya , London : Oxford University Press , 1971.

Kertas kerja

Abdullah Siddik , “*Adat dan Modernisasi*”, kertas kerja Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih , anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan (10 - April 1974).

Abd. Kadir Ismail, Abd. Monir Yaacob , “*Harta Sepencarian menurut pandangan Islam*”. Kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan , anjuran Jabatan Syariah , Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983).

Nadzim Hj. Abd. Rahman , “*Cara-cara pengendalian harta sepencarian di mahkamah-mahkamah*” . Kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan , anjuran Jabatan Syariah , Fakulti Pengajian Islam , Universiti Kebangsaan Malaysia (4-5 Jun 1983).

Majalah

Ahmad Mohd Ibrahim , “Islam Customary Law/Malaysia” . Intisari , 2.2(1963).

Hamidi, H.A. , “Adat Perpatih Tidak Demokratis” . Dewan Masyarakat (Januari 1975).

Mohd. Din Ali , “Two Forces in Malay Society” . Intisari , 1.3. Malaysia Sociological Research Intitution (1962).

Rezwan Datuk Hj. Mohd Dom , “Adat Perpatih Tidak Demokratis Ditegur” . Dewan Masyarakat (Mac 1975).

Responden

Encik Jamal b. Mohd Ali

Penduduk Kampung Segu Ulu, Rantau, Negeri Sembilan

Tarikh : 1 Mac 1996.

Ustaz Ahmad Zaidi

Pegawai Kanan

Pejabat Agama Negeri Sembilan, Seremban.

(menggantikan sesi temuramah bagi pihak Dato' Mufti kerana keuzuran)

Tarikh : 2 Mac 1996.

Huruf Singkatan

ed. : editor (penyunting)

Ibid : di tempat yang sama.